

04 DISEMBER 2017

Atasi dadah secara holistic - Najib

Bukan melalui penguatkuasaan undang-undang yang tegas semata-mata

Atasi dadah secara holistic - Najib

Oleh **NAZWIN NAZRI**
penagarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 DIS.

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, usaha mengatasi masalah penagihan dadah dalam kalangan belia perlu dilakukan menerusi pendekatan holistik tanpa hanya melalui penguatkuasaan undang-undang yang tegas semata-mata.

Menurut Perdana Menteri, malah Kabinet sendiri mengakui pendekatan menerusi undang-undang yang dilaksanakan sejak sekian lama mungkin bukan kaedah yang terbaik dalam menangani isu ini.

Sebab itu, kata beliau, Agenda

Sosial Negara yang sedang dirangka kerajaan akan memasukkan inisiatif mengatasi masalah penagihan dadah dan isu melibatkan belia yang lain menerusi pendekatan inklusif dengan memastikan generasi muda mempunyai pekerjaan.

"Menerusi cara itu, generasi muda akan pastikan kehidupan mereka bermakna dan bukannya merasakan diri kosong sehingga membincangkan diri sebagai jalan keluar kepada permasalahan dihadapi.

"Saya bersetuju dengan Menteri Belia dan Sukan, Khairiy Jamaluddin bahawa kita perlu mengambil pendekatan lebih holistik dalam menangani isu membabitkan generasi muda,"

Langkah lebih komprehensif perangi dadah - Zahid

Kerajaan ambil langkah lebih komprehensif perangi dadah.

Ujara berjanjinya holistik antara agensi-agensi berkaitan.

Menurut statidatib, via www

KERATAN Utusan Malaysia 16 Jun 2017.

katanya ketika berucap merasmikan Wacana Belia Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIYD) 2017 yang berlangsung di Pusat



Kita berharap seluruh masyarakat berdayakali bersama-sama dengan agensi-agensi berkenaan kerana kalau tidak, ia akan menjadi beban.

Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Perumahan, Datuk Seri Hisham-

muddin Tun Hussein; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir; Pengerusi KLIYD, Senator Khairul Azwan Harun dan Ketua Pergerakan Puteri UMNO, Datuk Mas Ermeyati Samsudin.

Utusan Malaysia sebelum ini secara konsisten mendedahkan isu-isu berkaitan dadah menerusi siri Laporan Khas dan berita utama selain pernah menjadi penganjur bersama Forum *Ihadd Memerangi Dadah* di Dewan Besar Utusan Melayu Jun lalu.

Malah laporan *Mingguan Malaysia* hari ini juga memaparkan isu berkenaan apabila mengetengahkan isu dadah berbahaya jenis 'Zombie' yang mula diedarkan di kelab-kelab malam di Lembah

Klang.

Menurut Perdana Menteri, sebab itu, daripada memencilkan penagih, sepatutnya mereka diintegrasikan dengan dunia luar dan memberikan mereka peluang pekerjaan.

Justeru kata Najib, peluang pekerjaan kepada golongan belia harus dicipta secara berterusan kerana perkara itu penting untuk jaminan masa hadapan negara.

"Kita perlu pastikan pendidikan dan kemahiran yang sepatutnya diberikan kepada generasi muda dan dalam hal ini kita tahu Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) adalah mustahak dalam melahirkan belia yang berkemahiran tinggi dan kompetitif," ujarnya.